

***Prince of Wales Island Gazette 1806-1827:* Percanggahan tahun mula terbitan dan perkembangannya**

Mohd. Safar Hasim* 1

Pengenalan

Hakikat bahawa *Prince of Wales Island Gazette*² merupakan akhbar pertama yang diterbitkan di negara ini tidak dipertikaikan oleh sesiapa. Bagaimanapun, bila sebenarnya akhbar itu diterbitkan masih terdapat perbezaan fakta. Ada yang berkata tahun 1805 sebagai tahun bermulanya akhbar itu diterbitkan dan ada yang berkata 1806, malah ada yang menyebut 1803. Tujuan utama artikel ini ialah untuk mengemukakan fakta hasil daripada kajian yang dijalankan di London dan Singapura yang memberi kepastian bahawa akhbar ini diterbitkan mulai tahun 1806. Selain itu artikel ini juga menyentuh perkembangan akhbar ini di bawah tiga orang pengendalinya iaitu A. B. Bone, dari 1806 hingga 1815, B. C. Henderson, dari 1815 hingga 1817, dan William Cox, dari 1817 hingga 1827. Ia juga menghuraikan saat-saat akhir hayat akhbar ini dalam tahun 1827 apabila ia menghentikan penerbitannya.

Percanggahan tahun terbitan

Beberapa penulisan awal tentang persuratkhabaran khususnya zaman awal penerbitan akhbar agak samar dari segi fakta. *Singapore Free Press*, misalnya,

* Penulis berkhidmat sebagai seorang pensyarah kewartawanan di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan. Beliau memegang ijazah Master of Arts daripada University of Minnesota, dan kini sedang menyiapkan ijazah Doktor Falsafah di Jabatan Komunikasi, University Kebangsaan Malaysia.

dalam keluaran sulungnya pada 8 Oktober, 1835 telah cuba menghuraikan perkembangan persuratkhabaran sebelum ia diterbitkan. Walaupun ia menyatakan *Prince of Wales Island Gazette* sebagai akhbar pertama diterbitkan di Prince of Wales Island (Pulau Pinang), ia tidak menyebut tarikhnya dengan tepat. *Singapore Free Press* sekadar menyatakan bahawa "nampaknya akhbar itu wujud selama 22 tahun sebelum penerbitannya terhenti dalam bulan Ogos 1827."³

Hampir seratus tahun selepas artikel dalam *Singapore Free Press* itu, Makepeace, yang pernah menjadi editor akhbar itu, turut menulis mengenai perkembangan persuratkhabaran di Straits Settlements. Makepeace meletakkan tarikh penerbitan *Prince of Wales Island Gazette* sebagai tahun 1805 (Makepeace 1921). Besar kemungkinan Makepeace merujuk kepada artikel pertama dalam *Singapore Free Press* itu, yang hanya menyebut umur akhbar itu sebagai 22 tahun. Atau beliau merujuk kepada artikel dalam *Asiatic Journal* yang juga merujuk umur akhbar itu sebagai 22 tahun (Gibson-Hill 1953). Untuk sekian lama tarikh yang diberikan oleh Makepeace menjadi sebagai satu tarikh pasti. Gibson-Hill, seorang sejarawan yang menulis dengan terperinci mengenai *Singapore Chronicle* sendiri menggunakan tarikh 1805.⁴ Malah tokoh sejarah Khoo Kay Kim juga menggunakan tarikh 1805 (Khoo 1988). Pendek kata sesiapa yang merujuk kepada penulisan Makepeace sudah pasti akan meletak tarikh penerbitan *Prince of Wales Island Gazette* sebagai 1805. Walaupun Makepeace memberi tahun 1805 sebagai tarikh penerbitan akhbar itu, beliau tidak pernah menghuraikan tarikh sebenar dari segi bulan dan harinya ataupun buku untuk mengatakan bahawa akhbar itu diterbitkan dalam tahun 1805.

Naskah-naskah akhbar *Prince of Wales Island Gazette* terpendam dalam khazanah British Library sehingga 1964 apabila Micro Methods, sebuah syarikat microfilm, menerbitkan akhbar itu dalam bentuk microfilm. Antara pengkaji pertama yang melihat microfilm tersebut ialah Patricia Lim. Beliau telah menerbitkan hasil kajiannya dalam buku *Newspapers published in Malaysian area* (Lim 1970) yang menetapkan tarikh terbitnya akhbar *Prince of Wales Island Gazette* sebagai 1806, dan buat pertama kalinya meletakkan tarikh terbitnya akhbar itu sebagai 1 Mac 1806. Pengkaji berikutnya Byrd (1972) memberi tarikh yang sama. Mohd. Dahari Othman (1989) juga menggunakan tahun 1806 sebagai tarikh permulaan akhbar ini.

Walaupun penemuan tarikh 1806 ini di ketahui sejak 1970 lagi, namun ada para penulis masih menggunakan 1805 sebagai tarikh terbitnya akhbar *Prince of Wales Island Gazette*. Malah, seorang penulis lain yang menulis dalam *Dewan Masyarakat* pada tahun 1976 memberi tarikh terbitnya *Prince of Wales Island Gazette* sebagai 1803 (Ahmad Kamal 1976). Perbezaan ini mungkin kerana penulisan Patricia Lim dan Byrd masih belum diketahui dengan meluas.

Perbezaan tarikh ini membuat pengkaji ingin mencari fakta sokongan yang boleh memastikan bila tarikh sebenarnya akhbar ini diterbitkan. Usaha perintis yang dijalankan oleh Byrd banyak menolong membuka jalan dalam usaha ini. Beberapa pucuk surat dan dokumen yang dibaca oleh Byrd (dalam bentuk microfilm) di Singapura telah dibaca semula oleh pengkaji. Malangnya

beberapa dokumen ini tidak dapat dibaca dengan jelas dan ada yang rosak. Salinan microfilm di Singapura ini dibuat daripada dokumen yang disimpan oleh Kerajaan kolonial di Singapura. Salinan surat menyurat dan dokumen ini kebanyakannya dihantar ke England atau/dan India untuk simpanan dan tindakan. Sesetengah daripada surat menyurat dan dokumen ini masih boleh diperolehi di England dan disimpan dengan baik di India Office Records and Oriental Collections, British Library. Dokumen-dokumen itu, yang terkandung dalam buku surat (book of letters), yang dikaji oleh pengkaji adalah dalam bentuk yang disalin tangan, yang masih boleh dibaca dengan jelas, membuktikan bahawa tahun terbitnya akhbar *Prince of Wales Island Gazette* ialah 1806. Di bawah ini pengkaji ingin menghuraikan secara ringkas surat-menyurat yang membuktikan tarikh penerbitan akhbar itu dan serba sedikit maklumat mengenai akhbar itu dari mula ia terbit sehingga ia terhenti penerbitannya dalam tahun 1827.

Bukti *Prince of Wales Island Gazette* terbit dalam tahun 1806

Bukti *Prince of Wales Island Gazette* terbit dalam tahun 1806 terletak atas empat pucuk surat yang ditulis oleh Bone iaitu penerbit, editor, dan pencetak akhbar *Prince of Wales Island Gazette* kepada Kerajaan Pulau Pinang berhubung dengan penubuhan percetakan (*printing press*) dan penerbitan akhbarnya. Selain itu keputusan Kerajaan mengenai permohonan Bone juga dibincangkan.

Sangat sedikit diketahui mengenai Bone iaitu penerbit, editor dan pencetak pertama akhbar *Prince of Wales Island Gazette*. Apa yang diketahui ialah sebelum memulakan kariernya di Pulau Pinang Bone pernah menjadi pencetak kepada dua buah akhbar di Madras iaitu *The Hircarrah* dan *Madras Gazette*. Pengkaji telah memastikan ini dengan melihat naskah *The Hircarrah* dan *The Madras Gazette* dalam koleksi akhbar di Newspaper Library, Colindale, United Kingdom. Nama Bone ada tercetak sebagai pencetak kedua-dua akhbar tersebut. Pengkaji mengagak kedatangan Bone ke Pulau Pinang ialah untuk mencari peluang yang lebih baik di sebuah penempatan yang baru saja dinaikkan taraf menjadi sebuah *presidency* iaitu mulai September 1805. Bengal, Madras, dan Bombay adalah tiga buah *presidency* lain di bawah pentadbiran Syarikat Hindia Timur (*EIC*), Bengal diketuai oleh seorang governor-general manakala yang lain diketuai oleh governor sahaja. Bone membawa bersamanya, dalam kapal yang berasingan, alat-alat percetakannya. Alat-alat percetakannya dibawa dalam kapal *The Clyde*. Besar kemungkinan Bone datang pada awal tahun 1806, dan sebaik saja tiba beliau terus menghubungi Kerajaan Pulau Pinang mengenai hasratnya itu.

Selepas perbincangan awal, Bone menulis sepucuk surat kepada Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang, H.S. Pearson, bertarikh 23 Januari 1806 memohon kebenaran untuk menubuhkan sebuah percetakan.⁵ Surat tersebut dibaca dalam Majlis Menyuarat (*Council Meeting*), yang dikenali juga sebagai *The Board*, yang diadakan pada hari yang sama iaitu 23 Januari 1806. Majlis Mesyuarat itu dihadiri oleh Governor, Philip Dundas, dan ahli-ahli *council* John Hope Oliphant dan Alex Grey. Colonel MacLister, seorang lagi ahli *council*, tidak hadir kerana bertugas di

Bengal.⁶

Surat bertarikh 23 Januari 1806 itu menghuraikan faedah yang boleh diperolehi oleh Kerajaan Pulau Pinang dengan penubuhan sebuah percetakan di situ. Kata surat itu: Mewujudkan sebuah jentera seperti itu di bawah riayah *Hon'ble the Governor and Council* akan membawa faedah kepada *Settlement* itu secara amnya, tetapi juga memberi faedah kepada Kerajaan, di mana pertama sekali alat menulis bukan saja sukar diperolehi, tetapi belanjanya besar jika dikira untuk biaya *Public Records*, keduanya beberapa borang pejabat boleh dicetak secara seragam dengan kemas dan betul.⁷ Seterusnya Bone memberitahu pengalamannya dalam bidang percetakan iaitu sebagai pencetak akhbar *Hircarrah* yang diterbitkan oleh seorang penerbit yang bernama Mr. Boyd, dan sebuah akhbar yang bernama *Madras Gazette* yang diterbitkan di bawah Authoriti Kerajaan (*Authority of Government*). Beliau memohon persetujuan kerajaan untuk menubuhkan percetakan itu sebagaimana khidmat yang diberikan kepada Kerajaan Madras jika Kerajaan Pulau Pinang bersetuju untuk membenarkan ditubuhkan di bawah *patronage* dan sokongan Kerajaan.⁸

Dalam peringatan mesyuarat itu tidak ada apa-apa catatan mengenai surat itu selepas surat itu dibaca. Tidak diketahui kenapa permohonan itu dipendamkan saja, tanpa keputusan dan tanpa jawapan.

Oleh kerana tidak mendapat apa-apa jawapan daripada Kerajaan berhubung dengan suratnya yang pertama, Bone menulis sepucuk surat lagi pada 29 Januari 1806. Dalam surat 29 Januari itu, Bone menyebut mengenai suratnya bertarikh 23 Januari yang masih belum berjawab berhubung dengan hasratnya untuk menubuhkan sebuah percetakan di pulau itu.⁹

Dalam surat kali kedua ini, Bone menyatakan hasratnya untuk menerbitkan sebuah akhbar bertajuk *Prince of Wales Gazette*, yang akan dijalankan sama seperti Akhbar Kerajaan di Calcutta, Madras, Bombay, dan Ceylon. Memandangkan bahawa beliau mendapat tahu bahawa peralatan cetaknya yang dikirim melalui kapal the Clyde dijangka tiba pada bila-bila masa, beliau sangat-sangat berharap untuk mendapatkan sanksi (*sanction*) dari Kerajaan untuk membolehkan beliau memaklumkan hasratnya ke seluruh *Settlement* itu.¹⁰

Perhatikan yang Bone mencadangkan nama akhbar yang hendak diterbitkannya ialah *Prince of Wales Gazette*. Sepanjang yang diketahui tidak ada akhbar yang bernama demikian pernah diterbitkan. Pengkaji telah meminta pengesahan daripada Oriental and India Office Collections, British Library, London. Menurut Pustakawan Siri, Hedley Sutton (1992), tidak ada akhbar bernama demikian pernah diterbitkan. Menurut Sutton, nampaknya Bone tersasul sedikit apabila menulis surat itu (It rather looks as though Bone made a simple slip of the pen in January (29) 1806 letter, which would explain the complete absence of references to this particular title).

Kali ini Kerajaan mempertimbangkan permohonannya. Mesyuarat Majlis yang diadakan pada 30 Januari 1806 di Fort Cornwallis dihadiri oleh Governor Phillip Dundas, John Hope Oliphant dan Alex Grey, memutuskan demikian:

Resolved, that Mr. Bone be permitted to establish a Press, and publish a newspaper under certain restrictions¹¹ and that he be accordingly granted a licence for that purpose; And that Mr. Bone be directed to state his terms for printing the official Advertisements of Government.

Kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Pulau Pinang itu diberitahu kepada Bone pada hari itu juga, iaitu 30 Januari 1806. Malangnya surat tersebut, jika ada pun, tidak dapat dikesan. Namun jawapan yang diberikan oleh Bone dalam sepucuk surtunya bertarikh 25 Februari 1806 memberi sedikit gambaran apa yang dikehendaki oleh Kerajaan daripada Bone. Dalam surat itu Bone memberitahu bahawa percetakannya sudah dipasang dan bersedia untuk menerima tempahan mencetak borang daripada Kerajaan.¹² Mengenai apa yang boleh dimasukkan dalam *Gazette*, Bone mengatakan bahawa beliau akan menghantar *proof sheet* ke pejabat Setiausaha Kerajaan pada pukul 4 petang setiap hari Jumaat, untuk tujuan memadamkan sebarang bahagian yang dianggap tidak sesuai untuk dibaca oleh orang awam (Regarding what may be inserted in the *Gazette*, I shall send a proof sheet to your office at 4 o'clock on the evening of every Friday, for the purpose of erasing any part which may be deemed improper to appear before the public).¹³

Peri pentingnya perniagaan mencetak borang yang digunakan oleh Kerajaan dapat dikesan daripada perhatian lebih yang diberikan oleh Bone. Dalam surat bertarikh 25 Februari itu, Bone menerangkan kepada Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang bahawa beliau telah menulis ke Calcutta, Madras, dan Bombay untuk menentukan kadar yang dikenakan terhadap tugas Kerajaan, tetapi beliau percaya bahawa ia dijalankan secara kontrak bulanan. Bone juga menjelaskan cara bayaran individu untuk memasukkan iklan dalam *Gazette* ialah 25 *pice* satu baris tidak melebihi lima baris, selebihnya 20 *pice*. Oleh kerana individu kadang kalanya memasukkan iklan yang panjang, beliau berharap Kerajaan tidak fikir untuk dikenakan bayaran mengikut baris bagi sebarang arahan yang Kerajaan hendak lakukan melalui saluran *Gazette*.¹⁴ Walaupun Bone menyebut *Gazette* dalam suratnya, nama akhbar yang hendak diterbitkan itu masih tidak dinyatakan dengan jelas.

Akhbar yang diterbitkan oleh Bone menggunakan nama *The Government Gazette* pada mast-headnya, dan ia diterbitkan pada 1 Mac 1806. Walaupun naskah pertama ini tidak ada untuk menjadi bukti, tarikh 1 Mac dipastikan begini: Naskah microfilm yang ada menunjukkan bahawa bilangan keempat akhbar itu diterbitkan pada 22 Mac 1806 menggunakan tajuk *The Government Gazette*. Dikira ke belakang, bilangan pertamanya jatuh pada 1 Mac 1806. Dalam sejarah penerbitannya, Bone menerbitkan edisi *regular*nya pada hari Sabtu sehingga beliau meninggal dunia, selain menerbitkan edisi *extraordinary* pada hari-hari lain. Dalam edisi pertama dan seterusnya untuk beberapa tahun Bone telah mencetak iklan makluman yang menerangkan sebarang iklan yang dikeluarkan di bawah tanda tangan Setiausaha Kerajaan, atau sebarang pegawai yang ditauliahkan untuk menerbitkan iklan berkenaan mestilah dianggap sebagai makluman rasmi.¹⁵

Makluman itu yang terdapat dalam Penang General Orders and Notices bertarikh 1 Mac 1806, buat pertama kalinya menyebut nama akhbar itu sebagai *Government Gazette*.¹⁶ Secara sepenuhnya, makluman itu berbunyi seperti berikut:

The Honourable the Governor and Council have been pleased to direct that all advertisements which appear under the Signature of the Secretary to Government, or of any other officers of Government properly authorised to publish them in *the Government Gazette* must be deemed to convey official notification of the Board's Orders and Regulation, in the same manner as if they were particularly specified to the Person to whom such Orders and Regulations have at reference.¹⁷

Besar kemungkinan makluman ini diberi lebih awal kepada Bone untuk dicetak dalam akhbarinya kerana makluman ini dicetak dalam akhbarinya dan diberikan tarikh 27 Februari 1806 dan ditandatangani oleh H. S. Pearson, Setiausaha Kerajaan. Kenyataan di atas diterbitkan oleh Bone dalam setiap keluaran akhbarinya untuk beberapa tahun.

Walaupun dalam suratnya pada 25 Februari 1806, Bone hanya menyatakan bahawa percetakannya sudah dipasang, dalam suratnya pada ketika lain menyatakan bahawa percetakan itu ditubuhkan pada 28 Februari 1806.¹⁸ Perkara ini terkandung dalam sepucuk surat permohonan oleh Bone dan seorang rakan kongsi pemiagaannya. J. W. Court, bertarikh 13 Oktober 1807, meminta bantuan kewangan daripada Kerajaan untuk membantu pemiagaannya.¹⁹ Besar kemungkinan rujukan kepada 28 Februari 1806 ialah apabila operasi percetakannya bermula iaitu pada hari Jumaat, dengan mencetak akhbar *Government Gazette* selepas ditapis oleh Setiausaha Kerajaan.

Maklumat yang dinyatakan di atas membuktikan pertama sekali tidak mungkin akhbar *Prince of Wales Island Gazette* diterbitkan dalam tahun 1805 kerana surat menyurat rasmi mengenainya, kedatangan alat percetakan dari India dan sebagainya hanya berlaku dalam tahun 1806. Dengan demikian, pengkaji tidak ragu-ragu untuk mengatakan bahawa akhbar *Prince of Wales Island Gazette* diterbitkan dalam tahun 1806, dan tarikh penerbitan pertamanya ialah pada 1 Mac 1806.

Jika demikian halnya, bagaimana timbul tarikh 1805 sebagai tahun pertama terbitnya akhbar *Prince of Wales Island Gazette*. Sebagaimana yang dinyatakan lebih awal, walaupun Makepeace menyatakan tarikh 1805, beliau tidak memberi rujukan ataupun apa-apa alasan untuk mengatakan demikian. Bagaimanapun, terdapat suatu maklumat yang diterbitkan dalam terbitan terakhir *Prince of Wales Island Gazette* bertarikh 4 Ogos 1827. Maklumat itu ialah mengenai umur akhbar itu. Begini bunyinya sebagaimana yang disiarkan semula di dalam *Asiatic Journal*:

Notice - The proprietor and publisher of the *Prince of Wales Island Gazette* respectfully announces to the subscribers and the

public, that circumstances compel him to discontinue the publication of the *Gazette*, and takes this occasion to return his grateful thanks for the liberal support and patronage afforded to that establishment during a period of 22 years.²⁰

Maklumat bahawa tempoh terbitnya akhbar *Prince of Wales Island Gazette* sebagai 22 tahun adalah tepat jika tempoh itu dibulatkan. Kesilapan berlaku jika seseorang itu mengambil tempoh 22 tahun ini dan menolaknya terus daripada tahun terakhir terbitannya iaitu 1827, jawapannya ialah 1805. Kesilapan berlaku dalam penolakan sedemikian, kerana jika diundur tahun demi tahun, tarikhnya yang betul ialah 1806. Jika ini yang berlaku, ia hanya merupakan satu kesilapan kiraan sahaja. Berdasarkan maklumat terbitan akhbar itu pada 1 Mac 1806 dan tarikh terakhir terbitnya pada 4 Ogos, 1827, umur akhbar itu sebenarnya ialah 21 tahun 5 bulan.

***Prince of Wales Island Gazette* di bawah A. B. Bone (1806-1815)**

Akhbar *Prince of Wales Island Gazette* bukanlah sebuah akhbar yang maju dari segi perniagaan. Perniagaan syarikat ini bukan semata-mata terletak kepada penerbitan akhbarnya. Ia banyak bergantung kepada cetakan borang-borang Kerajaan, iklan dan pengumuman khususnya dari Kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta. Selain itu, Bone dan Court mempunyai kepentingan perniagaan lain, yang menggunakan akhbar itu sebagai saluran untuk mengiklannya. Ketika akhbar *Prince of Wales Island Gazette* ditadbir oleh Bone, premis percetakan ini berpindah tempat beberapa kali, ada yang di jalan yang sama selang dua tiga pintu kedai ataupun di jalan yang lain. Mengapa perpindahan ini berlaku tidak dapat dipastikan. Tetapi yang nyata ialah walaupun kerap berpindah, penerbitan akhbar tersebut tidak terjejas. Ia terbit seperti biasa. Seperkara lagi yang dapat diandaikan ialah peralatan cetaknya tidaklah begitu banyak atau rumit hingga menyusahkan untuk berpindah.

Di bawah pentadbiran Bone juga akhbar ini kerap juga menukar nama. Akhbar itu diterbitkan menggunakan nama *The Government Gazette* mulai 1 Mac 1806 hingga 31 Mei 1806, kemudian ia diterbitkan menggunakan nama *Prince of Wales Island Government Gazette* mulai 7 Jun 1806 hingga 10 Oktober 1807. Bagaimanapun, mulai 17 Oktober 1807 hingga 31 Disember 1808 ia diterbitkan sebagai *Prince of Wales Island Gazette* iaitu menggugurkan perkataan *Government* pada tajuknya. Tetapi di bawah tajuk akhbar itu ditambah *Published by Authority*. Mulai 7 Januari 1809 hingga 21 April 1815 akhbar itu diterbitkan sebagai *Prince of Wales Island Gazette*, dengan frasa di bawah tajuk ditambah perkataan *Government* menjadi *Published by Authority of Government*. Bone meninggal dunia pada 26 April 1815. Apabila akhbar itu diterbitkan semula beberapa minggu kemudian, nama *Prince of Wales Island Gazette* dikekalkan, tetapi nombor bilangannya dimulai dari bilangan 1. Apakah yang menyebabkan Bone menukar nama akhbar itu beberapa kali dan meletakkan perkataan *government* dan *authority*

dalam tajuk akhbarinya? Jelas sekali ia ada kaitan dengan kepentingan perniagaannya. Sebagaimana yang dapat dilihat daripada suratnya yang pertama ia mengharapkan *patronage* daripada Kerajaan. Meletakkan perkataan *government* dan *authority* akan menjadikan, ataupun diharapkan, yang akhbar itu seolah-olah akhbar Kerajaan, walaupun Kerajaan tidak mengaggap demikian.

Bone amat bergantung kepada Kerajaan bukan sahaja untuk kerja-kerja percetakan tetapi juga sebagai tempat mendapatkan pinjaman. Bone memohon pinjaman dari Kerajaan sekurang-kurangnya tiga kali. Kali pertama permohonan itu dibuat ialah pada 13 Oktober 1807 berjumlah 2,000 Spanish dollars untuk membayar alatan percetakan yang dipesan dari Eropah. Bone dan Court menulis surat tersebut kepada Setiausaha Kerajaan, Thomas Raffles, memohon pinjaman tersebut apabila alatan percetakan yang dipesan dari Eropah tiba di pelabuhan Pulau Pinang.²¹ Bone dan Court berkata:

...we humbly solicit that support and encouragement which was hitherto buoyed us up, and to beg the aid, of a loan of two thousand Spanish dollars for the payment of these materials just arrived, a sum of money small to Government but far too great for us to disburse at present under the circumstances already mentioned.²²

Pihak Kerajaan memutuskan bahawa walaupun ia bersedia untuk membantu, tetapi ia tidak fikir boleh memberi sebarang pinjaman daripada khazanah Syarikat (EIC) tanpa cagaran yang mencukupi. Berikutan dengan itu, Bone dan Court menulis sepucuk surat lagi pada hari yang sama iaitu 13 Oktober 1807 menawarkan hartanah sebagai cagaran.²³

Bone dan Court memberi dua pilihan kepada Kerajaan. Pertama, mencagarkan seluruh peralatan percetakan yang baru tiba dan peralatan percetakan yang ada di pulau itu, dan membayar pinjaman itu dalam masa 12 bulan. Invois yang perlu dibayar ialah £346 dan nilai peralatan percetakan yang ada ialah lima ribu Spanish dollars. Jika Kerajaan tidak dapat menerima cadangan itu, Bone menawarkan untuk mencagarkan rumah dan tanah yang terletak di Farquhar Street, yang bernilai kira-kira 2,000 Spanish dollars. Bagaimanapun, Bone berharap Kerajaan menerima tawarannya untuk mencagarkan peralatan percetakan kerana wang yang dipohon ialah untuk kegunaan percetakan, manakala hartanah adalah hak miliknya sebagai individu dan tiada kaitan dengan perniagaannya. Majlis Mesyuarat yang bersidang pada 21 Oktober 1807 memilih hartanah sebagai cagaran. Oleh kerana pinjaman yang dipohon ialah 2,000 Spanish dollars, manakala invois yang hendak dijelaskan ialah sebanyak £346, boleh diandaikan invois itu bernilai 2,000 Spanish dollar. Mesyuarat Council pada 21 Oktober, 1807 memutuskan mengambil hartanah.

Empat tahun kemudian, pada 7 Julai 1811, Bone sekali lagi memohon pinjaman daripada Kerajaan sebanyak 2,500 Spanish dollars dan menawarkan percetakannya sebagai cagaran. Permohonan itu dibincangkan dalam mesyuarat

Council pada 1 Ogos 1811, yang dihadiri oleh William Edward Philip, Acting Governor, dan John Erskine, ahli majlis. Walaupun sedikit sahaja yang boleh dibaca kandungan *Extract from a Council Meeting held on Thursday 1st August 1811* ia mencukupi, kerana ia menunjukkan bahawa Kerajaan meluluskan permohonan itu.²⁴ Pemangku Setiausaha Kerajaan W. A. Clubley dalam suratnya bertarikh 1 Ogos 1811 memaklumkan kepada Bone bahawa permohonannya telah diluluskan sebagaimana yang dipohon dan bayarannya ialah 10 bulan dengan cagaran percetakannya.²⁵ Clubley juga mengeluarkan arahan kepada Sub-Treasurer, James Cousens, bertarikh 1 Ogos 1811 mengenai pinjaman kepada Bone sebanyak 2,500 Spanish dollar itu.²⁶ Dalam surat ini Clubley menjelaskan bahawa cagaran hendaklah dibuat di atas dua pertiga daripada syarikat percetakan Bone. Selain itu, potongan hendaklah dibuat daripada hutang Kerajaan kepada Bone untuk membantu beliau membayar hutangnya.

Pada 17 November, 1814 Bone sekali lagi mengemukakan permohonan untuk mendapat pinjaman sebanyak 500 Spanish dollar. Ini adalah permohonannya yang terakhir kerana beliau meninggal dunia pada bulan April tahun berikutnya. Kerajaan meluluskan permohonan itu pada 30 November, 1814.²⁷ Cara bayarannya ialah dengan memotongnya daripada bil-bil yang harus dibayar oleh Kerajaan berhubung dengan kerja-kerja percetakan. W. A. Clubley, yang ketika ini sudah menjadi Setiausaha Kerajaan, menulis surat kepada Paymaster bertarikh 30 November, 1814 mengenai pinjaman Bone.²⁸ Clubley memaklumkan kepada paymaster bahawa beliau harus membayar Bone (wang ini dibayar oleh treasury) sebagai pinjaman Kerajaan kepadanya. Clubley meminta paymaster mengambil cagaran yang bersesuaian dan memotong bayarannya daripada bil-bil yang harus dibayar kepada Bone kerana kerja-kerja percetakan oleh Kerajaan. Adakah Bone selesai membayar pinjaman itu sebelum ia meninggal dunia tidak dapat dipastikan. Tetapi perkara ini tidak dibangkitkan oleh Governor William Petrie.

Bone meninggalkan isteri dan keluarganya dalam keadaan papa kedana.²⁹ Iklan telah dikeluarkan untuk memohon bantuan untuk isteri dan keluarga Bone pada 27 Mei 1815, iaitu apabila akhbar itu diterbitkan semula di bawah pemilik baru, Henderson. Iklan itu berbunyi seperti berikut:

In consequence of the unfortunate and totally destitute situation in which Mrs. Bone and her family are left, without possessing the means either of present subsistence, or of procuring a removal to any of her friends, the benevolence of the public to whom these distresser must be well known, is unavoidably appealed to, and any donations which they may be humanely disposed to bestow, will be received by Messrs Forbes and Brown, and Messrs Carnegie and Co.

Prince of Wales Island Gazette di bawah B. C. Henderson (1815-1817)

Selepas Bone meninggal dunia pada 26 April 1815, akhbar itu berpindah tangan sebanyak dua kali, pertama sekali kepada Henderson dan selepas itu kepada

Cox. Henderson telah mengemukakan permohonan kepada Governor ketika itu, William Petrie, untuk meneruskan penerbitan akhbar *Prince of Wales Island Gazette*. Daripada surat-menyuratnya dengan Kerajaan ternyata beliau telah mengadakan beberapa perbincangan sebelum mengemukakan permohonan itu. Dalam suratnya pada 19 Mei, 1815, Henderson memohon lesen untuk mencetak dan menerbitkan sebuah *Gazette* di bawah autoriti Kerajaan.³⁰ Permohonan ini dijawab pada 20 Mei, 1815 oleh Pemangku Setiausaha Kerajaan James Cousens. Surat Cousens itu memaklumkan bahawa Kerajaan (iaitu Governor in Council) telah memberi sanksi (*sanction*) kepada beliau untuk menubuhkan percetakan di Presidency Pulau Pinang dan menerbitkan akhbar tertajuk *Prince of Wales Island Gazette* tertakluk kepada sekatan berikut — iaitu Henderson harus bersetuju tidak memasukkan dalam akhbarnya atau mencetak dan menerbitkan sebarang perkara walau kecil sekalipun yang tidak baik (*abnoxious*) kepada Kerajaan, dan sebelum diterbitkan Henderson dikhendaki mengemukakan *copy sheet*³¹ kepada Setiausaha Kerajaan untuk dipotong sebarang perkara yang dianggap tidak sesuai untuk penerbitan.³² Surat itu juga menjanjikan Henderson akan diberi segala galakan dalam kuasa Kerajaan selagi ia layak menerima sokongan kerajaan itu.³³

Henderson tidak lama mengendalikan akhbar itu kerana pada bulan Mei 1817 pengendalian akhbar itu berpindah kepada Cox.

Prince Of Wales Island Gazette di bawah William Cox 1817-1827

William Cox, pemilik ketiga akhbar *Prince of Wales Island Gazette*, telah menulis kepada Kerajaan bertarikh 5 Mei 1817 memohon kebenaran untuk mengendalikan percetakan dan mengedit akhbar yang dinyatakannya sebagai *Government Gazette*.³⁴ Surat ini dijawab oleh Setiausaha Kerajaan W.A. Clubley pada 7 Mei, 1817 memaklumkan bahawa permohonannya diluluskan oleh Kerajaan.³⁵ Surat Clubley itu mengingatkan Cox bahawa kebenaran itu diberi tertakluk kepada syarat iaitu artikel yang *abnoxious* kepada Kerajaan tidak dibenarkan dimasukkan dalam akhbar itu dan sebelum diterbitkan *proof sheet* akhbar itu hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan untuk kelulusannya.

Apa yang menarik dalam permohonan Cox ini ialah kelulusan permohonannya diberikan oleh Setiausaha Kerajaan, W. A. Clubley, tanpa dibawa terlebih dahulu ke Mesyuarat Majlis, iaitu satu kelainan berbanding dengan kelulusan-kelulusan sebelum itu. Namun demikian sekatan-sekatan yang dikenakan sebelum itu dikenakan juga terhadap Cox. Bagaimanapun, Mesyuarat Majlis diberitahu dalam mesyuaratnya pada 10 Mei, 1817 bahawa kelulusan telah diberikan kepada Cox dengan sekatan yang biasa dikenakan.³⁶

Kira-kira tiga tahun selepas menjalankan operasi percetakan dan penerbitan akhbar itu, pada 21 Februari 1820 Cox mengemukakan satu formula bayaran yang harus dibuat oleh Kerajaan kepadanya.³⁷ Cox menyatakan bahawa beliau pernah mengemukakan kepada Governor sebelum itu mengenai sokongan yang tidak mencukupi yang diperolehi oleh percetakan daripada *Settlement* itu kerana

masyarakat Eropah di pulau itu amat kecil. Hal ini menyulitkan pendapatan percetakan melainkan ia mendapat sokongan Kerajaan di bawah *patronage* ia ditubuhkan. Menurut Cox, Gubernur ketika itu, Colonel Bannerman, berjanji mempertimbangkan sokongan demikian. Bagaimanapun, kematian Bannerman tidak lama selepas itu menyebabkan janjinya tinggal janji saja. Bersama surat itu Cox menyertakan satu kenyataan mengenai bayaran percetakan oleh Kerajaan dalam *Gazette* dari tahun 1812 hingga 1819. Purata bayaran bulanan setiap tahun menunjukkan berkurangnya bayaran Kerajaan sejak tahun-tahun terakhir dari 100 Spanish dollar kepada 23 Spanish dollar sebulan. Beliau merasa tidak mungkin dapat meneruskan badan percetakan itu tanpa bantuan yang besar. Beliau berkata oleh kerana *Gazette* diterbitkan di bawah *Authority of the Government*, beliau merayu supaya permohonannya dipenuhi. Berikut ialah kenyataan yang diberikan oleh Cox.

Statement showing the monthly average of printing charge in the *Gazette* on account of Government for 7 years.³⁸

		Annually	Monthly
1812/13	Advertisement	912.55	76.04
1813/14		828.50	69.04
1814/15		1312.75	109.39
1815/16		711.75	59.31
1816/17		700.95	59.24
1817/18		722.75	60.23
1818/19		282.75	23.56
			7)456.81
			65.25

Kerajaan bersetuju dengan permohonannya dan mempercuntukkan bayaran tetap sebanyak 60 Spanish dollar sebulan sebagai bayaran untuk iklan kerajaan di dalam akhbar itu.

Dalam suratnya bertarikh 4 Mac, 1820, Setiausaha Kerajaan, W. A. Clubley, memaklumkan bahawa Kerajaan ingin memberi bantuan secara berpatutan. Majlis berpendapat bahawa satu purata umum bayaran Kerajaan bagi tempoh tujuh tahun yang lalu yang bersamaan dengan 60 Spanish dollar sebulan sebagai berpatutan untuk kerja-kerja cetakan Kerajaan yang disiarkan dalam *Gazette*. Cara bayaran itu adalah berkuatkuasa mulai 1 Mac, 1820 dan syaratnya ialah muka pertama akhbar *Gazette* pada masa depan dianggap sebagai percuma untuk tujuan memasukkan iklan atau dokumen Kerajaan (*papers*) yang dianggap perlu dicetak dalam *Gazette* ataupun sebarang pihak berkuasa di pulau itu.³⁹

Perkara bayaran ini telah dimaklumkan kepada *Court of Directors East India Company* di London yang memasukkan maklumat itu dalam Board's Collection.⁴⁰ Dalam surat kepada *Court of Directors* itu, Kerajaan Pulau Pinang memaklumkan kepada bantuan itu diberikan. Ia menjelaskan bahawa oleh kerana kekurangan wang (*very inadequate means at his disposal*) untuk mengendalikan

percetakan, Cox telah mengemukakan permohonan supaya Kerajaan dapat membantunya.

Kerajaan mendapati bahawa sejak tahun-tahun kebelakangan ini perbelanjaan cetakannya berkurangan. Ia juga mendapati percetakan merupakan satu usaha yang menguntungkan Kerajaan dan masyarakat. Oleh kerana Kerajaan memberi naungan (*patronage*) kepada badan percetakan dan akhbar *Gazette*, ia berpendapat Cox perlu dibantu dari segi kewangan. Itulah sebabnya bayaran tetap 60 Spanish dollar dibuat.⁴¹

Akhbar *Prince of Wales Island Gazette* mengalami perubahan di bawah Cox. Pada mulanya ia diterbitkan dua kali seminggu dalam tahun 1820 dan kemudiannya tiap-tiap hari kecuali hari Ahad. Cox memaklumkan kepada Kerajaan Pulau Pinang hasratnya untuk menerbitkan akhbar itu secara harian dalam satu surat bertarikh 18 Disember, 1820.⁴² Beliau menyertakan suatu prospektus mengenai rancangan penerbitan secara harian itu.

Menurut surat tersebut, Cox bercadang menerbitkan akhbar itu secara harian mulai 1 Januari, 1821. Cox mencadangkan Kerajaan membayar kos tambahan membekalkan akhbarnya kepada jabatan-jabatan Kerajaan. Selain itu beliau juga memohon cara bayaran untuk menyiarkan iklan Kerajaan dalam akhbarnya diteruskan.

Menurut prospektusnya cadangannya untuk menerbitkan akhbar itu secara harian kerana galakan yang diterimanya selepas akhbar itu diterbitkan dua kali seminggu. Menurut prospektus itu, akhbar itu akan mengandungi lima kali ganda bahan di dalamnya berbanding dengan *Gazette* yang diterbitkan ketika itu. Dengan itu harganya dinaikkan sedikit menjadi 3 Spanish dollar sebulan.

Cadangan itu dipersetujui oleh Kerajaan.⁴³

Tidak dapat dipastikan berapa lama akhbar ini diterbitkan sebagai harian, kerana selepas itu ia terbit semula dua kali seminggu sehingga bulan Mei 1825. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 26 Mei, 1825 telah membincangkan permohonan Cox untuk menerbitkan akhbarnya seminggu sekali dan tidak lagi dua kali seminggu. Pihak Kerajaan tiada halangan dengan langkah tersebut.

Mungkin sebagai usaha untuk menambahkan sumber pendapatannya Cox telah memohon untuk menjadi guru atau *School Master* apabila *school master* di Penang School, Mr. Porter berhenti. Cox memohon kepada Rcv. R. S. Hutchings pada 9 September, 1826 yang ketika itu menjadi Setiausaha Penang School, untuk menjadi *school master* sama ada di sekolah harian atau sekolah berasrama yang dicadangkan. Tetapi permohonan Cox ada kaitan dengan percetakannya. Beliau bercadang untuk menyatukan percetakan *Gazette* itu dengan sekolah untuk faedah institusi itu, iaitu dengan menjual harta percetakan itu dengan harga 5,000 Spanish dollar, manakala beliau menjadi penyelia dengan gaji 100 Spanish dollar sebulan. Pihak jawatankuasa sekolah bersetuju dengan cadangan itu kerana percetakan itu boleh digunakan untuk melatih murid-murid, tetapi kosnya agak tinggi. Perkara itu kemudian dikemukakan kepada Kerajaan. Kerajaan yang bersidang pada 28 September, 1826 bersetuju dengan jawatankuasa sekolah kecuali mengenai

pembelian percetakan yang didapati terlalu tinggi nilainya. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa set lengkap percetakan itu boleh dibeli di England dengan harga yang lebih rendah.⁴⁴ Tidak diketahui sama ada Cox menerima jawatan *school master* itu kerana rancangan penjualan percetakan itu tidak berhasil.

Boleh dikatakan akhbar *Prince of Wales Island Gazette* tidak menghadapi masalah serius di bawah pentadbiran beberapa orang governor sebelum Robert Fullerton yang menjadi Governor *Presidency* Pulau Pinang mulai tahun 1824. Dalam tahun 1826, Cox telah dimarahi (*disapprobation*) kerana menyiarkan sepucuk surat dalam akhbar itu yang mencerminkan kelakuan individu yang disebut dalam surat tersebut. Surat itu juga nampaknya telah menyebabkan satu sekatan baru dikenakan terhadap penyiaran surat-surat demikian. Malangnya, surat daripada Setiausaha Kerajaan William Cracroft bertarikh 22 April kepada Cox tidak dapat dikesan. Bagaimanapun, daripada jawapan Cox dapat diselami maksud surat Cracroft itu.

I have the honor to acknowledge the receipt of your letter of the 22nd instant expressing your disapprobation of the insertion of a letter in the *Gazette* of Saturday last as conveying reflection on the conduct of certain individuals alluded to therein.⁴⁵

Dalam jawabannya pada 26 April, 1826 kepada Cracroft, Cox berkata bahawa beliau sentiasa berusaha mengelakkan dari memasukkan dalam *Gazette* sebarang perkara yang berkencenderungan peribadi, walau kecil sekalipun. Cox merasa bahawa surat tersebut tidak bersifat peribadi dan dua daripada orang yang terlibat sudahpun melihat kandungannya. Lagipun beliau tertarik dengan pujipujian yang terkandung dalam surat tersebut. Merujuk kepada surat yang dikirimkan itu, Cox berkata sekatan tambahan ke atas akhbar itu berhubung dengan terbitannya pada masa depan menjadikan tugasnya sebagai editor sukar dan memalukan (*embarassing*). Tidak dapat dipastikan apakah yang dimaksudkan dengan sekatan itu. Walau bagaimanapun, oleh kerana Cox ada menyebut bahawa beliau dikehendaki bertanggungjawab atas apa yang terbit, bolehlah diandaikan bahawa Kerajaan mahu Cox bertanggungjawab atas penerbitannya, selain daripada tapisan yang dikenakan oleh Kerajaan. Ini tidak dapat diterima oleh Cox. Beliau lalu menawarkan percetakannya kepada Kerajaan untuk digunakan mengikut kehendaknya.⁴⁶ Cox mungkin mencari sebab untuk menjual percetakannya kepada Kerajaan.

Mesyuarat Council pada 28 April, 1826 yang dipengerusikan oleh Robert Fullerton telah membincangkan surat Cox kepada Cracroft bertarikh 26 April, 1826. Peringatan mesyuarat itu berbunyi seperti berikut:

The Board remarks that the *Gazette* is published under the authority and patronage of Government, on the express condition that the proof sheet should be submitted. Nevertheless the Governor in Council trusting in the prudence and discretion of

Mr. Cox in abstaining from the publication of any matter tending to question the propriety of the measures of Government or disturbs the peace of the Settlement, is pleased to dispense with the restriction referred to.

Ordered that the above be communicated to Mr. Cox and that he be informed that his tender of the press for sale is declined.”⁴⁷
(penekanan oleh pengkaji)

Peringatan itu menyebut bahawa *Gazette* diterbitkan di bawah *authority* dan *patronage* Kerajaan, dengan syarat yang jelas yang *proof sheet* hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan untuk disemak isinya. Bagaimanapun, *Governor in Council* percaya di atas kebijaksanaan dan budi bicara Cox untuk mengelakkan daripada mencabit sebarang perkara yang berkecenderungan memperosol kebijaksanaan langkah-langkah Kerajaan atau menyebabkan gangguan kepada keamanan di Settlement itu, bersetuju menghapuskan sekatan yang dirujuk itu. Pengkaji merasa sekatan yang dirujuk itu ialah sekatan baru yang cuba dikenakan. Ia tidak merujuk kepada sekatan yang dikenakan sejak akhbar itu diterbitkan kerana selepas itu pun penapisan terus berjalan. Selain itu Majlis juga memutuskan menolak tawaran Cox untuk menjual percetakannya kepada Kerajaan. Oleh kerana surat Cracroft kepada Cox tidak dapat dikesan, terdapat sedikit kerumitan untuk mentafsirkan maksud keputusan ini. Apakah sebenarnya yang diketepikan? Arahan baru atau arahan yang sudah wujud sekian lama, iaitu penyerahan *proof sheet*. Jika amalan penyerahan *proof sheet* ini sudah dihentikan sebelum itu, kita perlu tahu bila tarikhnya.

Peristiwa penutupan *Prince of Wales Island Gazette*

Prince of Wales Island Gazette menghentikan pencerbitannya dalam tahun 1827. Sebab utama yang boleh diberi ialah berpunca dari soal kewangan. Nampaknya Kerajaan berhasrat hendak menjimatkan perbelanjaan mencetak borang-borang rasmi. Apa yang berlaku ialah Kerajaan memaklumkan kepada berbagai jabatan di bawah tadbirannya supaya jangan lagi membuat tempahan baru. Langkah ini tentulah menjejaskan percetakan yang dikendalikan oleh Cox. Beliau sendiri tidak diberitahu. Beliau hanya mengetahui dari sumber ketiga. Lalu beliau menulis surat bertarikh 25 Julai, 1827 kepada Setiausaha Kerajaan, John Anderson. Perlu diingat bahawa pada waktu ini presidensi timur sudah dibesarkan merangkumi juga Singapura dan Melaka. Robert Fullerton yang menjadi Governor Presidency Pulau Pinang terus menjadi Governor untuk presidensi yang lebih besar itu..

Cox menyatakan bahawa beliau amat dukacita mengetahui hasrat Kerajaan untuk menarik sebahagian besar daripada *patronage* yang diberikan kepada percetakannya.⁴⁸ Menurutnya arahan sudah dikeluarkan kepada semua Jabatan Kerajaan supaya tidak mengeluarkan perbelanjaan untuk percetakan dan meminta satu salinan borang bercetak yang diperlukan oleh beberapa jabatan dengan tujuan (sebagaimana yang difahami oleh Cox) untuk dicetak ditempat lain.

Katanya beliau tidak mahu menyoal tindakan *Governor in Council* itu, tetapi memandangkan bahawa beliau telah mematuhi Press Regulations dari segala segi, dan beliau tidak pula diberitahu jika beliau telah melanggar peraturan-peraturan itu, beliau tidak dapat mengelak daripada menyatakan kedukacitaan yang amat sangat kerana secara tiba-tiba sumber utama pendapatannya ditarik balik melalui *patronage* yang dinikmati oleh percetakan itu untuk selama 22 tahun.

Dalam suratnya Cox menyatakan bahawa pendapatan daripada mencetak borang rasmi merupakan sumber utama percetakan itu, dan jika sebahagian besar daripada pendapatan itu ditarik balik, bakinya tentulah tidak mencukupi untuk membiayai untuk mencetak *Gazette*. Keadaan itu memaksa beliau menghentikan penerbitan akhbar yang ditubuhkan di Presidency itu sejak 22 tahun, 10 tahun daripadanya dikendalikan oleh Cox.

Bagaimanapun, Kerajaan memaklumkan kepada Cox dalam sepucuk surat bertarikh 26 Julai, 1827 bahawa Kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenai soal yang dibangkitkan olehnya, dan sebarang perubahan pada masa depan terletak semata-mata kepada pertimbangan kewangan dan tidak terletak kepada kelakuannya sebagai editor. Selanjutnya, Kerajaan memberitahu Cox bahawa ia bertekad meletakkan akhbar *Prince of Wales Island Gazette* di atas taraf yang sama dengan akhbar-akhbar lain di Singapura dan Melaka. Dengan demikian, beliau dikehendaki membuang perkataan "*Published under the sanction and Patronage of Government*" yang dicetak di bawah tajuk akhbar itu.

Surat Setiausaha Kerajaan bertarikh 26 Julai, 1827 itu diterimanya pada 27 Julai dan terus menjawab pada hari yang sama. Beliau memberitahu bahawa oleh kerana beliau tidak dapat membuat apa-apa persiapan untuk menerbitkan akhbar yang sama taraf dengan akhbar-akhbar lain di Singapura dan Melaka (maksudnya membuang perkataan-perkataan *Published under the sanction and Patronage of Government* sebagaimana yang diminta oleh Kerajaan), beliau memaklumkan bahawa akhbar *Gazette* terbitan esoknya tidak boleh diterbitkan.

Pada 28 Julai beliau menulis sepucuk surat lagi merujuk kepada surat Setiausaha Kerajaan bertarikh 26 Julai itu. Beliau memaklumkan bahawa beliau enggan menerbitkan akhbar *Gazette* mengikut syarat yang dinyatakan. Oleh yang demikian, akhbar itu tidak akan diterbitkan lagi pada masa depan di bawah penyeliaannya. Beliau juga menawarkan untuk menjual alat-alat percetakan kepada Kerajaan dengan harga 5,000 Spanish dollar. Bagaimanapun, Majlis mesyuarat yang bersidang pada 2 Ogos, 1827 menolak tawaran itu.

Walaupun Cox menyatakan beliau tidak mahu menerbitkan akhbar itu lagi, berdasarkan laporan dalam *Asiatic Journal* terdapat satu lagi penerbitan pada 4 Ogos, 1827. Laporan itu mengutip pengumuman dari Cox sebagai pemilik dan penerbit the *Prince of Wales Island Gazette* mengenai penutupan akhbar itu.⁴⁹ Dalam notis itu Cox memaklumkan kepada pelanggan dan juga orang ramai bahawa beliau terpaksa menamatkan penerbitan itu kerana keadaan memaksa beliau berbuat demikian. Beliau mengucapkan terima kasih kerana sokongan dan *patronage* yang diberikan kepada akhbar itu selama 22 tahun. Notis ini telah dipetik oleh *Singapore Chronicle* yang mengulasnya dalam satu editorial. *Asiatic*

Journal. menyiarkan notis itu sebagai satu laporan dari Pulau Pinang dengan tajuk *Suppression of the Gazette*.⁵⁰ Laporan itu berbunyi seperti berikut:

The following notice appears in the *Fenang Gazette* ⁵¹ of August 4:

Notice - The proprietor and publisher of the *Prince of Wales Island Gazette* respectfully announces to the subscribers and the public, that circumstances compel him to discontinue the publication of the *Gazette*, and takes this occasion to return his grateful thanks for the liberal support and patronage afforded to that establishment during a period of 22 years.

Walaupun naskah bertarikh 4 Ogos, 1827 tidak ada tetapi berdasarkan penyiaran notis itu, 4 Ogos, 1927 bolehlah dianggap sebagai edisi terakhir *Prince of Wales Island Gazette*. Koleksi yang dimicrofilemkan oleh Micro Methods, edisi terakhirnya ialah 21 Julai 1827. Edisi bertarikh 28 Julai tidak diterbitkan sebagaimana dinyatakan oleh Cox kepada Kerajaan. Cox sepatutnya menerbitkan akhbar mingguannya (pada ketika itu ia sudah diterbitkan secara mingguan) pada 28 Julai 1827. Tarikh 4 Ogos ialah seminggu selepas itu. Mungkin Cox menerbitkan kali terakhir dengan tujuan untuk menyampaikan maklumannya itu. Tidak ada akhbar lain yang diterbitkan di Pulau Pinang pada ketika itu yang boleh digunakan oleh Cox untuk menyiarkan makluman itu. Tarikh 4 Ogos juga tidak selaras dengan penerbitan *Singapore Chronicle*.

Singapore Chronicle telah mengulas mengenai penutupan *Prince of Wales Island Gazette* dalam satu editorial pada 30 Ogos 1827. Ia melihat penutupan itu akibat tekanan Kerajaan berikutan artikel yang disiarkan iaitu mengenai Perjanjian British dengan Siam.

It appears that the paper actually has been suppressed in consequence of an article which appeared in it some three months ago relative to the Siamese treaty, which has given umbrage to the government in Bengal, and at its instance the paper has been crushed. We state a matter of fact; but as the censorship will henceforth press more heavily on us than hitherto, we can add no comment, as many of our readers will be of opinion that no comment is required.⁵²

Bagaimanapun, *Penang Register and Miscellany*, akhbar yang menggantikan *Prince of Wales Island Gazette* di Pulau Pinang menolak kesimpulan yang dibuat oleh *Singapore Chronicle* yang *Prince of Wales Island Gazette* ditekan sebagai tidak betul: "...we can assure him that he is in error on this point."⁵³ *The Penang Register and Miscellany* berkata *The Gazette* diberhentikan secara *voluntary* kerana Kerajaan memintanya membuang "*Published under the Authority and Patronage of Government*" di bawah tajuk akhbar itu, dan kemungkinan kekurangan

pendapatan dari iklan kerajaan berikutan saingan dari Singapura dan Melaka. *The Miscellany* juga menyebut bahawa tuannya *Prince Of Wales Island Gazette* sudah lama berura-ura hendak menjual percetakannya.⁵⁴

Seorang pengkaji lain menyatakan bahawa *Prince of Wales Island Gazette* menamatkan penerbitannya bukan kerana tekanan Kerajaan tetapi kerana *exigencies* kewangan (Byrd 1972).

Apakah sebenarnya yang menyebabkan Cox memberhentikan penerbitan akhbar itu apabila beliau mendapat tahu bahawa Kerajaan berura-ura untuk mencetak borang-borang rasmi di tempat lain? Adakah Cox bertindak tergesa-gesa? Kedua-dua soalan ini berkaitan walaupun sebelum itu Cox sudah pernah mencuba menjual percetakannya kepada Kerajaan. Ia berkaitan kerana selepas itu Cox beberapa kali cuba memasuki kembali bidang penerbitan akhbar. Perlu diingat selepas pemberhentian penerbitan akhbar itu, percetakan itu telah dibeli oleh William McIntyre untuk menerbitkan akhbar *Penang Register and Miscellany*. Akhbar itu terbit selama setahun dan ditarik balik lesen penerbitannya oleh Kerajaan pada September 1828. Apabila mendapat tahu mengenai kedudukan akhbar ini, Cox telah menulis surat kepada John Anderson memohon untuk membeli percetakannya itu untuk menerbitkan akhbar.⁵⁵ Bagaimanapun, permohonan itu ditolak. Apabila akhbar yang diterbitkan oleh Kerajaan sendiri iaitu *The Government Gazette of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca* yang terbit antara 1828-1830 tamat penerbitannya, Cox sekali lagi memohon membeli sebahagian daripada percetakan itu dengan harapan untuk menerbitkan sebuah akhbar commercial.⁵⁶ Permohonan ini juga tidak berjaya kerana Kerajaan ingin menjual seluruh percetakan itu. Hanya dalam tahun 1833 beliau berjaya. Kali ini beliau menerbitkan akhbar yang dinamakan *Prince of Wales Island Gazette* siri baru. Akhbar ini menggunakan alat-alat percetakan yang bukan berasal daripada syarikat lama. Ada pihak menganggapnya sebagai akhbar yang berlainan, dan bukan sambungan daripada akhbar sebelum itu.

Kesimpulan

Artikel ini cuba menyelesaikan percanggahan fakta mengenai tarikh bermula akhbar *Prince of Wales Island Gazette*, iaitu akhbar pertama diterbitkan di Malaysia, iaitu di Pulau Pinang oleh Bone. Pengkaji telah mengemukakan empat pucuk surat dan keputusan Kerajaan mengenai akhbar ini. Surat-surat yang disebut itu membuktikan dengan jelas bahawa akhbar *Prince of Wales Island Gazette* terbit dalam tahun 1806. Selain itu artikel ini juga menghuraikan perkembangan akhbar ini di bawah tiga orang pemiliknya iaitu Bone, Henderson, dan Cox.

Kajian ini hanya terhad kepada pembuktian tarikh dan juga kedudukannya di bawah tiga orang pemiliknya. Masih banyak yang perlu diketahui mengenai zaman awal penerbitan akhbar.

Nota

- 1 Akhbar ini mempunyai beberapa nama, tetapi dikenali secara amnya sebagai *The Prince of Wales Island Gazette*.
- 2 *Singapore Free Press*, 8 Oktober, 1835 No. 1 Vol 1. hlm. 2.
- 3 Gibson-Hill, C. A. *The Singapore Chronicle (1824-1837)*:175-199, *JMBRAS* 26(pt 1), 1953.
- 4 Straits Settlements Records, G/34/13, Prince of Wales Public Consultation 2 Jan to 31 July 1806. Surat bertarikh 23 Januari 1806.
- 5 Ibid.
- 6 Ibid.
- 7 Ibid.
- 8 Ibid.
- 9 Ibid.
- 10 Dalam penulisannya Byrd (1972) menyebut syarat-syarat untuk larangan (*restrictions*). Bahan yang dirujuk oleh Bone (yang dibaca juga oleh pengkaji) adalah tidak jelas. Inilah yang menyebabkan perkataan itu dibaca sebagai *conditions* (syarat-syarat). Tetapi dokumen yang dilihat oleh pengkaji di Oriental and India Office Collections adalah terang dan jelas, iaitu perkataannya ialah *restrictions*.
- 11 Straits Settlements Records, G/34/13... 25 February 1806.
- 12 Ibid.
- 13 Ibid., 25 Februari 1806.
- 14 Straits Settlements Records, NL52 Penang General orders and Notices, Vol. K1, Nov. 1805-1807
- 15 Ibid.
- 16 Ibid.
- 17 Straits Settlements Records, Vol. 18 1807 hlm. 971, Fort Cornwallis Council, 13 Oktober 1807.
- 18 Ibid.
- 19 *Asiatic Journal*, Vol 25, Februari 1828, hlm. 278.
- 20 Straits Settlements Records, Vol. 18 1807 hlm. 971, Fort Cornwallis Council, 13 Oktober, 1807.
- 21 Ibid.
- 22 Ibid.
- 23 Straits Settlements Records, NL3 A29, hlm. 219-220
- 24 Straits Settlements Records, NL42 19, hlm. 40-41.
- 25 Ibid.
- 26 Straits Settlements Records, NL43 I16, hlm. 291-293
- 27 Ibid.
- 28 Iklan Memohon Bantuan Untuk Balu Bone dalam *Prince of Wales Island Gazette*, 27 Mei, 1815.
- 29 Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat Henderson kepada William Peurie, Governor Prince of Wales Island, 19 Mei, 1815.
- 30 Lazimnya istilah proof sheet digunakan, bagaimanapun dalam hal ini surat

- itu menyebut *copy sheet*.
- 31 Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat James Cousens, Pemangku Setiausaha Kerajaan kepada Henderson tuannya *Prince of Wales Island Gazette*, 20 Mei, 1815.
- 32 Ibid.
- 33 Straits Settlements Records, NL44 I20, Surat W.A. Clubley Setiausaha Kerajaan kepada William Cox, 7 Mei 1817, hlm. 150-151.
- 34 Ibid.
- 35 Straits Settlements Records, NL3 A11 504-504
- 36 Board's Collection, F/4/663(18433), Prince of Wales Public Department.
- 37 Board's Collection, F/4/663(18433), Prince of Wales Public Department. Extract Prince of Wales Island Consultation 2nd March 1820. Surat daripada Editor *Gazette* kepada Governor W. E. Phillip, tanggal 21 Februari 1820.
- 38 Straits Settlements Records, NL35 H4 hlm. 26-27
- 39 Board's Collection, F/4/663(18433), Prince of Wales Public Department (para 117-119).
- 40 Board's Collection, F/4/663(18433), Prince of Wales Public Department. Extract General Letters from Prince of Wales Island dated 24 August, 1820.
- 41 Board's Collection, F/4/663(18433). Extract Prince of Wales Island Public Consultation 28 December, 1820. Surat daripada William Cox, Editor *Gazette*, kepada W. A. Clubley, Setiausaha Kerajaan, Fort Cornwallis tanggal 18 Disember, 1820.
- 42 Board's Collection, F/4/663(18433). Extract Prince of Wales Island Public Consultation 28 Disember, 1820. Surat daripada William Cox, Editor *Gazette*, kepada W. A. Clubley, Setiausaha Kerajaan, Fort Cornwallis tanggal 18 Disember, 1820.
- 43 Straits Settlements Records A29, September 1826-Disember 1826, Penang Consultations (hlm. 12-13) (NL 3227 National Library of Singapore; M46/90 Akrib Negara Malaysia).
- 44 Straits Settlements Records, Arkib Negara M48/90 (NL3229). Surat daripada Editor *Prince of Wales Island Gazette*, William Cox, kepada W.S. Cracroft, 26 April, 1826 dalam Council Meeting Report, 28 April, 1826 hlm. 267-269.
- 45 Straits Settlements Records, Arkib Negara M48/90 (NL3229). Surat daripada Editor *Prince of Wales Island Gazette* William Cox kepada Setiausaha Kerajaan, W.S. Cracroft, 26 April, 1826 dalam Council Meeting Report, 28 April, 1826 hlm. 267-269.
- 46 Ibid.
- 47 Straits Settlements Record, G/34/117 1827 hlm. 1398
- 48 Asiatic Journal, Vol 25, Februari 1828, hlm. 278.
- 49 Asiatic Journal, Vol 25, Februari 1828, hlm. 278.
- 50 Asiatic Journal menggunakan dalam laporan-laporannya menggunakan nama *Penang Gazette* untuk merujuk kepada *Prince of Wales Island Gazette*. Ia juga menggunakan nama *Penang Gazette* untuk merujuk kepada akhbar *The*

- Government Gazette of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca* yang terbit antara 1828-1830.
- 51 *Singapore Chronicle*, 30 Ogos, 1827. Editorial yang mengandungi notis penutupan *The Prince of Wales Island Gazette* terkandung dalam editorial *Singapore Chronicle* yang disiarkan semula oleh *Penang Register and Miscellany* pada 26 September, 1827 dengan komennya terhadap editorial itu.
- 52 *Penang Register and Miscellany*, 26 Sept. 1827, hlm. 2
- 53 Ibid.
- 54 Straits Settlements Records, IOR G/34/125, Surat William Cox kepada John Anderson, Setiausaha Kerajaan bertarikh 4 November, 1828.
- 55 Straits Settlements Records, NL49 I40 hlm. 55.

Rujukan

- Ahmad Kamal Abdullah. 1976. Peranan Sebaran Am di Malaysia. *Dewan Masyarakat Mei*: 27-29.
- Asiatic Journal*. 1828. Februari, Vol 25: 278.
- Board's Collection, F/4/663(18433), Prince of Wales Public Department (para 117-119).
- Board's Collection, F/4/663(18433). Extract Prince of Wales Island Public Consultation 28 December 1820. Letter from William Cox, Editor of the *Gazette*, to W. A. Clubley, Secretary to Government, Fort Cornwallis dated 18 December 1820.
- Byrd, C. K. 1972. *Early Printing in the Straits Settlements 1806-1858*, Singapore: Singapore National Library.
- Gibson-Hill, C. A. 1953. The *Singapore Chronicle* (1824-1837):175-199, *JMBRAS* 26(pt 1), 1953.
- Sutton, H. 1992. Surat kepada Mohd. Safar Hasim, 25 November.
- Khoo Kay Kim. 1988. English Newspapers in Malaya 1900-1941: History and Historiography, dlm Mohd. Sarim Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud dan Hj Wan Rusik Wan Yusoff (pnyt). *Akhbar dan majalah di Malaysia: Sejarah dan perkembangan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia*: 69-89.
- Lim, P.H., 1970. *Newspapers published in the Malaysian Area*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.

- Makepeace, W. E. 1921. The Press. Dalam W.E. Makepeace, G.E. Brooke, & R. St. J. Braddell (eds.). *One hundred years of Singapore*, Vol 2: 278-86. London: John Murray.
- Mohd. Dahari Othman. 1989. *Kewartawanan Malaysia 1800-1900: Satu tafsiran sejarah persuratkhabaran*, Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Penang Register and Miscellany*, 1827. 26 September: 2.
- Prince of Wales Island Gazette*, 1815. 27 Mei.
- Singapore Chronicle*, 1827. 30 Ogos.
- Singapore Free Press*. 1835. 8 Oktober, Vol 1.No. 1, 2.
- Straits Settlements Record, 1827. G/34/117, hlm. 1398
- Straits Settlements Records A21 Penang Consultations (NL 3227 Natioanl Library of Singapore; M46/90 Akrib Negara Malaysia).
- Straits Settlements Records A29, Penang Consultations (NL 3227 Natioanl Library of Singapore; M46/90 Akrib Negara Malaysia).
- Straits Settlements Records, Arkib Negara M48/90 (NL3229). Surat daripada Editor Prince of Wales Island Gazette William Cox kepada Secretary to the Government, W.S. Cracroft, 26 April 1826 dalam Council Meeting Report, 28 April 1826 hlm. 267-270
- Straits Settlements Records, G/34/13, Prince of Wales Public Consultation 2 Jan to 31 July 1806. Surat bertarikh 23 Januari 1806.
- Straits Settlements Records, G/34/13, Prince of Wales Public Consultation 2 Jan to 31 July 1806. Surat bertarikh 29 Januari 1806.
- Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat Henderson kepada William Petrie, Governor Prince of Wales Island, 19 Mei 1815.
- Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat James Cousens, Acting Secretary to the Government kepada Henderson tuannya Prince of Wales Island Gazette, 20 Mei 1815.
- Straits Settlements Records, IOR G/34/49, Surat James Cousens, Acting Secretary to the Government kepada Henderson tuannya Prince of Wales Island Gazette, 20 Mei 1815.

- Straits Settlements Records, IOR G/34/125, Surat William Cox kepada John Anderson, Secretary to Government bertarikh 4 November 1828.
- Straits Settlements Records, NL3 A11 504-504
- Straits Settlements Records, NL3 A29, hlm. 219-220
- Straits Settlements Records, NL35 H4 hlm. 26-27
- Straits Settlements Records, NL42 I9, hlm. 40-41.
- Straits Settlements Records, NL43 I16, hlm. 291-293
- Straits Settlements Records, NL44 I20, Surat W.A. Clubleby Secretary to the Government
- Straits Settlements Records, NL49 I40 hlm. 55.
- Straits Settlements Records, NL52 Penang General orders and Notices, Vol K1, Nov. 1805-1807
- Straits Settlements Records, Vol. 18 1807 hlm 971, Fort Cornwallis Council, 13 Oktober, 1807.